

08 FEB 2001

SETIAUSAHA AGUNG UMNO DAN PAS BINCANG PERTEMUAN PERPADUAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini bertemu dengan rakan sejawatannya daripada PAS Nasharuddin Mat Isa bagi mengatur pertemuan untuk membincangkan perpaduan Melayu yang dicadangkan antara kedua-dua parti itu.

Pertemuan itu, yang berlangsung di Hotel Nikko di sini bermula kira-kira 1 tengah hari, antara lain untuk membincangkan rangka perbincangan, tempat dan tarikh bagi pertemuan perpaduan Melayu yang dicadangkan itu.

Khalil diiringi oleh setiausaha politik kepada Perdana Menteri Datuk Dasuki Ahmad, setiausaha kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan pengurus pentadbiran ibu pejabat Umno Abu Khamis.

Nasharuddin pula diiringi tiga anggota jawatankuasa kerja PAS pusat iaitu Dr Mohd Hatta Ramli, Dr Abdul Wahab Ismail dan Datuk Hishamuddin Yahya.

Pertemuan hari ini merupakan yang pertama antara pegawai kedua-dua parti itu berikutan cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini supaya pucuk pimpinan Umno dan PAS bertemu untuk membincangkan perpaduan Melayu.

-- BERNAMA

AFY ZS NAK